

Elak banjir berulang

» Penduduk trauma, mahu parit, longkang diselenggara

Oleh Norrasyidah Arshad
bhnews@bharian.com

► Klang

Penduduk sekitar Kampung Sri Nadi, Johan Setia, Bukit Naga, Sungai Kandis dan Kampung SC, menggesa pihak berkuasa segera mengambil tindakan bagi mengelak kejadian banjir, Jumaat lalu, berulang.

Penduduk, Hassan Basri, 30, berkata kebanyakan penduduk masih trauma berikutan musim tengkujuh dengan hujan lebat berterusan.

Katanya, banjir pasti berulang dan boleh mengundang bahaya kepada penduduk setempat jika pihak berkuasa tidak mengambil langkah yang benar-benar konkrit.

“Selain taburan hujan luar biasa, kami percaya, sistem

aliran sungai iaitu parit dan longkang yang tidak diselenggara dengan betul menyebabkan air melimpah ke kawasan perumahan serta memasuki rumah penduduk,” katanya.

Nyaris jadi korban

Menceritakan kejadian minggu lalu, Hassan berkata, seorang warga tua berusia 80 tahun hampir menjadi mangsa korban berikutan terjatuh di dalam

tandas yang digenangi air separas betis.

Katanya, mangsa berkenaan, dikenali sebagai Maimunah yang tinggal seorang diri dan mempunyai masalah sakit tua berjalan ke tandas rumahnya bagi membuang air.

Bagaimanapun, ketika berada di tandas, air yang semakin naik menyebabkan beliau terjatuh dan nyaris maut jika tidak diberikan bantuan segera.

Maimunah **terlantar keseorangan** di rumahnya yang dinaiki air selepas kampung Johan Setia dilanda banjir ekoran hujan lebat berterusan jumaat lalu.

[FOTO OSMAN ADNAN/BH]



“Saya yang baru sampai di kawasan rumah berkenaan, terdengar jeritan meminta tolong dan segera memanggil isteri. Sebaik saja sampai, isteri segera membawa Maimunah ke tempat selamat.

“Saya dan isteri cuba menghantar Maimunah ke pusat pemindahan banjir, tetapi dia berkeras enggan meninggalkan rumahnya menyebabkan kami terpaksa menemaninya,” katanya.